



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras 7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888, Faks: 03-8889 7957

Emel: [ksu@kwp.gov.my](mailto:ksu@kwp.gov.my)

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# KENYATAAN MEDIA

## **KARNIVAL MAKANAN WARISAN 1MALAYSIA 2013 DI JALAN MASJID INDIA, KUALA LUMPUR DARI 30 OGOS 2013 HINGGA 1 SEPTEMBER 2013**

**PUTRAJAYA, 26 Ogos 2013** – Persatuan Penjaja Dan Pekedai Bumiputra Wilayah Persekutuan (PPPBWP) bersama-sama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menganjurkan **Karnival Makanan Warisan 1Malaysia pada 30 Ogos 2013 hingga 1 September 2013 bertempat di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur**. Karnival tersebut berlangsung dari jam **9.00 pagi sehingga 10.00 malam** yang melibatkan penyertaan 200 gerai penjaja peniaga kecil dari seluruh Malaysia.

Karnival ini diadakan bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan 2013 yang bertemakan **“Warisan Makanan Asas Transformasi Makanan Masa Depan”**. Karnival ini akan menonjolkan makanan-makanan dan kuih-muih tradisional dari seluruh Malaysia serta mempromosikan makanan popular yang terdapat di negara ini. Majlis Pelancaran Karnival Makanan Warisan 1Malaysia akan diadakan pada 31 Ogos 2013 oleh **YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan**.

Tujuan penganjuran karnival ini adalah untuk mempromosi dan memartabatkan makanan-makanan warisan masyarakat Malaysia dari pelbagai negeri dan budaya seperti masakan-masakan, lauk-pauk, bubur-bubur manis dan pedas, juadah, kuih muih serta pelbagai minuman tradisional dan juga produk inovasi masa kini di kalangan warga kota, pelancong tempatan dan luar negara.

Antara objektif penganjuran Karnival Makanan Warisan 1Malaysia ini ialah untuk meningkatkan taraf hidup ekonomi penjaja dan peniaga kecil di sekitar lokasi

karnival dan kepada penjaja dan peniaga kecil yang menyertai karnival ini. Selain itu ia juga memberi pendedahan kepada komuniti penjaja dan peniaga kecil di seluruh Wilayah Persekutuan sebagai langkah mempromosi perniagaan mereka ke peringkat yang lebih besar.

Orang ramai berpeluang untuk menyertai Jamuan Rakyat yang akan diadakan pada 31 Ogos dan 1 September 2013 bermula pada jam 1.00 tengahari sehingga 2.00 petang. Terdapat juga program-program lain semasa karnival seperti berikut:

- i) gerai-gerai jualan makanan tradisi oleh penjaja dan peniaga kecil yang akan menonjolkan makanan warisan negeri masing-masing;
- ii) demonstrasi masakan warisan oleh selebriti tanah air termasuk artis dan ahli sukan, persembahan kebudayaan 1Malaysia;
- iii) demonstrasi masakan makanan warisan oleh penaja karnival;
- iv) cabutan bertuah pengunjung karnival;
- v) kaunter-kaunter informasi dan pameran agensi-agensi kerajaan;
- vi) persembahan pentas dan persembahan nyanyian oleh pengunjung;
- vii) program kuiz karnival; dan
- viii) pelancaran menu Nasi Goreng 1Malaysia (NG1M).

Penganjuran Karnival Makanan Warisan 1Malaysia ini diharapkan dapat memberikan impak besar kepada sektor penjaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan dengan kehadiran pengunjung-pengunjung tempatan dan luar negara. Program ini juga akan dapat memberikan peningkatan ekonomi kepada penjaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan. Pelaksanaan karnival ini diharapkan dapat membantu hasrat Kerajaan dalam mewujudkan sebuah masyarakat peniaga yang mantap dari segi pembangunan ekonomi.

**DATO' ADNAN BIN HAJI MD IKSHAN**  
**Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**

26 Ogos 2013